



1 April 2022
1 April 2022
P.U. (A) 93

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2022

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
ORDER 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) 2022

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) 2022**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 April 2022.

Pemakaian

2. (1) Perintah ini hendaklah terpakai bagi—

(a) Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh TRX City Sdn. Bhd. menurut Program Nota Jangka Sederhana Islam yang disebut “Program Sukuk” dalam Perintah ini, dengan nilai nominal sehingga dua bilion sembilan ratus juta ringgit (RM2,900,000,000.00);

(b) Kemudahan Pusingan Kredit Islamik Bersindiket yang diperoleh atau akan diperoleh oleh TRX City Sdn. Bhd. yang disebut “Kemudahan RC-i” dalam Perintah ini, dengan amaun agregat prinsipal tidak melebihi satu bilion ringgit (RM1,000,000,000.00); dan

(c) jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan Malaysia yang berhubungan dengan Program Sukuk dan Kemudahan RC-i.

(2) Amaun agregat yang digabungkan bagi nilai nominal belum berbayar di bawah Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan menurut Program Sukuk dan amaun prinsipal belum berbayar di bawah Kemudahan RC-i yang disebut dalam subperenggan (1) hendaklah tidak melebihi dua bilion sembilan ratus juta ringgit (RM2,900,000,000.00).

Peremitan cukai

3. Apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] oleh mana-mana individu atau entiti yang berikut berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Program Sukuk, Kemudahan RC-i atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya:

- (a) TRX City Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai 1MDB Real Estate Sendirian Berhad) yang baginya Akta ini terpakai menurut Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (TRX City Sdn. Bhd.) 2012 [*P.U. (A) 139/2012*];
- (b) mana-mana pemegang Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan atau akan diterbitkan oleh TRX City Sdn. Bhd. menurut Program Sukuk;
- (c) mana-mana pembiaya Kemudahan RC-i; atau
- (d) mana-mana pihak lain kepada apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Program Sukuk, Kemudahan RC-i dan/atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2, termasuklah mana-mana pihak lain yang kepadanya mana-mana perjanjian, nota, surat cara atau dokumen itu dipindahkan atau diserahkan.

Peremitan duti setem

4. Apa-apa duti setem yang kena dibayar di bawah Akta Setem 1949 [*Akta 378*] berkenaan dengan apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan Program Sukuk, Kemudahan RC-i atau jaminan yang disebut dalam perenggan 2 hendaklah diremitkan sepenuhnya.

Dibuat 31 Mac 2022

[MOF.SID(R)700-14/4/5; PN(PU2)232/XVI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Kewangan

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE) ACT 1965

LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY) ORDER 2022

IN exercise of the powers conferred by subsection 10(1) of the Loans Guarantee (Bodies Corporate) Act 1965 [Act 96], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Loans Guarantee (Bodies Corporate) (Remission of Tax and Stamp Duty) Order 2022**.

(2) This Order comes into operation on 2 April 2022.

Application

2. (1) This Order shall apply to—

- (a) the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by TRX City Sdn. Bhd. pursuant to the Islamic Medium Term Notes Programme which in this Order is referred to as the “Sukuk Programme”, with nominal value of up to two billion nine hundred million ringgit (RM2,900,000,000.00);
- (b) the Syndicated Revolving Credit Islamic Facility obtained or to be obtained by TRX City Sdn. Bhd. which in this Order is referred to as the “RC-i Facility”, with the aggregate principal amount not exceeding one billion ringgit (RM1,000,000,000.00); and
- (c) the guarantee given or to be given by the Government of Malaysia relating to the Sukuk Programme and the RC-i Facility.

(2) The aggregate amount of the nominal value outstanding under the Islamic Medium Term Notes issued pursuant to the Sukuk Programme and the principal amount outstanding under the RC-i Facility referred to in subparagraph (1) shall not exceed two billion nine hundred million ringgit (RM2,900,000,000.00).

Remission of tax

3. Any tax payable under the Income Tax Act 1967 [*Act 53*] by any of the following individual or entity in respect of any money payable under any agreement, note, instrument or document in relation to the Sukuk Programme, the RC-i Facility or the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full:

- (a) TRX City Sdn. Bhd. (formerly known as 1MDB Real Estate Sendirian Berhad) to which this Act applies pursuant to the Loans Guarantee (Declaration of Bodies Corporate) (TRX City Sdn. Bhd.) Order 2012 [*P.U. (A) 139/2012*];
- (b) any holder of the Islamic Medium Term Notes issued or to be issued by TRX City Sdn. Bhd. pursuant to the Sukuk Programme;
- (c) any financier of the RC-i Facility; or
- (d) any other party to any agreement, note, instrument or document in relation to the Sukuk Programme, the RC-i Facility and/or the guarantee referred to in paragraph 2, including any party to whom any such agreement, note, instrument or document is transferred or assigned.

Remission of stamp duty

4. Any stamp duty payable under the Stamp Act 1949 [*Act 378*] in respect of any agreement, note, instrument or document in relation to the Sukuk Programme, the RC-i Facility or the guarantee referred to in paragraph 2 shall be remitted in full.

Made 31 March 2022
[MOF.SID(R)700-14/4/5; PN(PU2)232/XVI]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Finance